



'Perlu benar operasi ladang, kilang sawit'

Harian Ekspres (KK)

Page 1 of 1

'Perlu benar operasi ladang, kilang sawit'

Hayati Dzulkifli

KUALA LUMPUR: Kerajaan negeri perlu menyemak semula keputusannya untuk menutup operasi ladang dan kilang sawit di enam daerah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana ia akan memberi kesan buruk kepada industri sawit di Sabah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Arthur Joseph Kurup (**gambar**) berkata kerajaan persekutuan telah mengambil keputusan sejak awal PKP untuk membenarkan beberapa industri penting seperti pertanian, perikanan dan sektor makanan untuk terus beroperasi.

Beliau berkata ia termasuk rantaian bekalan berkaitan industri penting di samping pusat pembelian dan operasi serta kilang.

"Bagaimanapun, Kerajaan Negeri



Sabah menggunakan bidang kuasanya di bawah pentadbiran Majlis Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengarahkan penutupan industri-industri itu.

"Contohnya, kerajaan persekutuan membenarkan Fama terus beroperasi untuk membeli hasil tani penduduk kampung termasuk sayur-sayuran, buah-buahan dan makanan tetapi pusat pembelian Fama telah ditutup oleh kerajaan negeri.

"Ini juga berlaku kepada pusat pembelian getah (di Sabah)," katanya dalam satu kenyataan, di sini, Khamis.

Akibat penutupan beberapa industri ini, Arthur berkata, ramai pekebun akan mengalami kerugian yang besar.

"Dalam industri sawit pula, ia akan menjejaskan lebih daripada 75 peratus pengeluaran minyak sawit di Sabah dan menyebabkan hampir 100,000 orang hilang pekerjaan, sumber pendapatan dan ini akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi Sabah," katanya.

Beliau menambah, perkara itu akan

menyebabkan pengurangan sumber makanan asas termasuk minyak masak dan hasil daripada industri sawit, getah dan industri lain.

"Kita faham keperluan mengambil langkah untuk mencegah penyebaran wabak Covid-19. Namun kita juga perlu mengimbangkan keadaan ini dengan keperluan ekonomi, khususnya keperluan rakyat untuk mencari sumber pendapatan.

"Selain itu, industri yang dibenarkan beroperasi perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan bagi memastikan pekerja selamat daripada jangkitan wabak Covid-19," katanya.

Dengan itu, katanya, beliau merayu kepada Kerajaan Sabah di bawah kepimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal untuk pertimbangan sewajarnya dengan membenarkan semua ladang sawit dan pusat operasi serta industri lain termasuk pertanian dan sektor makanan untuk beroperasi demi kepentingan ekonomi negeri ini.